

**1 NOVEMBER 2015**

**KENYATAAN MEDIA**

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,  
Ketua Pegawai Eksekutif, PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan  
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

### **LATIHAN KECEMASAN DI LOJI RAWATAN AIR SUNGAI DUA PADA 3 NOVEMBER 2015**

Lebih kurang 300 orang yang terdiri daripada anggota Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Kesihatan dan PBAPP akan terbabit dalam latihan kecemasan di Loji Rawatan Air Sungai Dua pada hari Selasa, 3 November 2015.

Latihan yang dijadualkan berlangsung dari jam 7.45 pagi sehingga 12.30 tengah hari ini akan disaksikan oleh Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan, YB Lim Hock Seng dan Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Dua, YB Muhamad Yusof bin Mohd. Noor.

Orang ramai tidak perlu bimbang dengan eksekusi simulasi ini. Ia bukanlah keadaan kecemasan sebenar. Ia adalah latihan untuk menilai tindak balas kecemasan untuk sebarang kemungkinan kemalangan di loji ini.

PBAPP akan terus memastikan bekalan air yang berterusan dan baik di seluruh Pulau Pinang pada 3 November 2015. Tiada gangguan bekalan air akan berlaku.

Bagaimanapun, semua jabatan kerajaan yang terbabit akan menghantar kenderaan untuk tindakan kecemasan dan perkhidmatan ketika latihan dilaksanakan. Oleh itu, kesesakan lalu lintas mungkin berlaku atau lencongan di Jalan Lahar Yooi (P205), berdekatan pintu masuk utama Loji Rawatan Air Sungai Dua.

Terima kasih.

Issued by PBA Holdings Bhd

Hubungi: Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat & Pengurusan Acara, PBAPP  
Tel : 04-201 3231  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)